

Siyar (Undang-Undang Antarabangsa Islam): Cabaran Untuk Mempermoden dan Menjadikannya Relevan

ROHIMI B SHAPIEE

ABSTRAK

Di era globalisasi pembentukan dan amalan undang-undang antarabangsa telah disejagatkan dengan berpaksikan Barat. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk bangun menyanggah gelombang tersebut dengan mempelopori satu pendekatan undang-undang antarabangsa yang boleh diterima umum dan yang benar-benar sejagat. Masyarakat Islam perlu mengambil pendekatan sebegini dalam memahami undang-undang, nilai dan etika, dan memulakan satu kerjasama menyeluruh dalam membangunkan siyar, yang akan membantu mereka memelihara kepentingan antarabangsa mereka dan menyumbang kepada kebajikan dunia amnya.

ABSTRACT

In the globalization era, the development and practice of international law have essentially become Western centric. What is demanded of the Muslims today is to oppose that dominant approach and instead propose an alternative approach which is commonly acceptable and truly universal. Muslims in particular, have to pursue this approach of common understanding of law, values, and ethics and initiate a broad based Islamic cooperation in the development of siyar, which will facilitate the accomplishment of their global interests and consequently contribute to the general welfare of the world.

PENGENALAN

Satu cabang penting dalam kerangka *syariah* ialah *siyar* – yang juga dikenali sebagai undang-undang antarabangsa Islam. *Siyar* mencerminkan satu pendekatan khusus iaitu *syariah* dalam mencari kesatuan awam sejagat. *Siyar* boleh didefinisikan secara longgar sebagai bererti, sekumpulan undang-undang dan amalan yang dibenarkan *syariah* dalam konteks hubungan antarabangsa.¹ Dari segi teori dan prinsipnya *siyar* berkembang dan direncanakan untuk bersifat fleksibel, akomodatif kepada peralihan, dan bertolak ansur terhadap kepelbagaian atau *pluralisme*. *Siyar* diasaskan kepada prinsip-prinsip undang-undang dan moral yang stabil tetapi pada masa yang sama perlu disesuaikan dengan masa, tempat dan keadaan. Semenjak dahulu lagi peranan

¹ Mohammad Tallat Al Ghunaimi, *The Muslim Conception of International Law and the Western Approach*. The Hague: Martinus Nijhoff, 1968 hlm. 96.

fuqaha atau juris adalah penting dalam usaha mengenal pasti dan mengemaskinikan prinsip-prinsip penting *siyar* dengan keadaan dan kehendak zaman.

Dalam artikel ini, penulis memulakan perbincangan dengan melihat Sejarah undang-undang antarabangsa membuktikan bahawa kolonialisme dan pasca-kolonialisme telah memaksa masyarakat Islam dan masyarakat bukan Barat lain sebagai satu fenomena untuk berintegrasi dalam aturan undang-undang antarabangsa yang dibina Barat. Sekularisme dan modernisme adalah faktor-faktor unik kepada aturan undang-undang antarabangsa Barat ini. Perluasannya ke atas budaya lain berlaku melalui proses imperialisme undang-undang, sama ada dalam bentuk Kolonialisme corak lama atau melalui penginstitutionan undang-undang melalui politik dan diplomasi moden. Ini diperkukuhkan lagi melalui teknologi, sistem pasaran dan media. Yang lebih mengecewakan, hari ini undang-undang antarabangsa telah disempitkan menjadi monistik dan eksklusif kepada negara - melalui kuasa unilateral, negara yang bersifat satu dimensi dan imperialisme baru. Namun begitu segelintir masih lagi bersikap positif terhadap pandangan Islam mengenai kehidupan antarabangsa.

Dalam agenda mengengahkan pandangan khusus syariah mengenai undang-undang antarabangsa, artikel ini menerangkan bagaimana Islam melihat undang-undang antarabangsa dan mengajak masyarakat Islam menyanggah pendekatan undang-undang antarabangsa konvensional yang berpaksikan Barat dengan mencadangkan satu pendekatan undang-undang antarabangsa yang betul-betul sejagat dan yang mesra kepelbagaian (*pluralisme*). Ia menghujahkan bahawa dalam menangani isu-isu sejagat dan dalam mencari keseimbangan antara agama dengan kehidupan dalam aturan antarabangsa moden, yang sentiasa meragui keghairahan beragama, umat Islam berhak menggunakan pendekatan *siyar* dalam usaha memelihara dan mempertahankan kepentingan mereka.

Pendekatan *siyar* menuntut kepada satu penilaian semula secara persejarahan dan analitikal peranan *syariah* dalam kehidupan antarabangsa. Ini akan mengalakkan pergerakan atau aktivisme keilmuan untuk menghasilkan tindakbalas kepada sistem sekular yang diamalkan kini. Seterusnya artikel ini membuat cadangan-cadangan bagaimana umat Islam dapat mengatasi cabaran-cabaran dalam usaha mereka mempromosikan *siyar*. Ia menegaskan bahawa jika lebih banyak diketengah penggunaan alat dan instrumen berkonsepkan *syariah*, maka akan lebih berjaya umat Islam dalam memperlihatkan pilihan kreatif yang disediakan oleh *siyar* sebagai antitesis kepada pencapaian kini, sekularisme yang penuh dengan kekaburan dan ketidak seimbangan.

MUSLIM DALAM KONTEKS ATURAN UNDANG-UNDANG SEJAGAT

Inisiatif politik dan pembangunan antarabangsa selepas Perang Dunia Kedua dilancarkan untuk menghasilkan polisi dan pembinaan institusi yang matlamatnya adalah untuk menjamin keamanan dunia dan supaya tidak berulang lagi peperangan di masa depan.² namun demikian, infrastruktur yang dibina selepas perang ini tidak memiliki elemen-elemen pelaksanaan budaya, falsafah politik dan sosial masyarakat

² Robert L. McGeorge, 1994, *Revisiting the Role of Liberal Trade Policy in Promoting Idealistic Objectives of the International Legal Order*, 14 N. Ill. U. L. Rev., hlm. 322.

yang lalu secara menyeluruh. Sebaliknya ia memperlihatkan pencapaian hebat dalam konteks semasa. Ini terserlah apabila diketengahkan pencapaian baru dalam aspek-aspek penting seperti politik dan pengurusan sosial, teknologi reproduktif, pengurusan kewangan, kepenggunaan dan media yang dipisahkan dari asas budaya asli.³ Melalui kehebatan kuasa-kuasa moden inilah ideologi liberal Barat dapat mengalahkan Kesatuan Soviet dalam Perang Dingin yang muncul selepas Perang Dunia Kedua.

Pada hari ini, masyarakat dunia sekali lagi dijerumuskan ke kancuh hubungan antarabangsa yang huru hara. Apabila dicabar dan disanggah oleh cabaran-cabaran ekonomi, politik dan ketamadunan, aturan antarabangsa yang berasaskan sistem kapitalis dan sekularisme yang diterajui Amerika Syarikat di arahkan untuk bersifat satu dimensi – kedaulatan negara yang mementingkan diri sendiri dan bersifat imperialis baru⁴ – disebalik mengutamakan kesepakatan multilateral bagi tujuan keamanan, dan memberi perhatian kepada kesejahteraan ekonomi dan sosial dunia secara umum.⁵ Ia bahkan mengabaikan moraliti keagamaan yang luas yang sering dipertahankan oleh tradisi Barat.⁶ Ini telah menyebabkan nasib malang, kesengsaraan, dan pemencilan sebahagian besar masyarakat dunia yang bukan liberal.

Politik yang didominasi oleh kuasa Anglo-Amerika ini diarahkan kepada monopoli ideologi global, penguasaan perdagangan melalui persaingan dan liberalisasi, sistem matawang yang tidak adil, dan pemaksaan ketenteraan melalui slogan “anti-keganasan”. Ia dilaksanakan melalui satu pendekatan politik, diplomasi dan liberalisasi ekonomi dan kewangan yang berjaya mengelak kepentingan kuasa negara dan mengabaikan kepentingan ramai, melalui amalan dan teknik politik dan diplomasi yang bersifat sektoral (*compartmentalized*). Ia berhasil mengembangkan sayap kuasanya ke segenap penjuru dunia tanpa wujudnya bantangan yang ketara.⁷

Berlatar belakangkan kontroversi di atas, nasib dan masa depan umat Islam dalam kerjasama sejagat mengalami dua kali bencana apabila Islam selanjutnya dikenalpasti sebagai pesaing utama kepada tamadun Barat – dilihat sebagai satu alternatif praktikal yang akan mencabar keunggulan undang-undang antarabangsa yang berpaksikan Barat⁸ – memenuhi ruang kosong yang ditinggalkan selepas kejatuhan komunisme. Dalam suasana politik antarabangsa hari ini yang kompleks dan dalam keadaan umat Islam berusaha melawan eksploitasi dan dominasi Barat ke atas wilayah, sumber ekonomi dan agama mereka, umat Islam secara tidak berhati perut dijadikan mangsa kepada keganasan tentera penceroboh, manipulasi media dan terperangkap di dalam

³ Eliezer Schweid, *The “Post-Secular” Era*, Jerusalem Center for Public Affairs, Jerusalem Letter / Viewpoints, No. 440 16 Tishrei 5761 / 15 Oktober ; (Di: <http://www.jcpa.org/jl/vp44.htm>) 2000

⁴ Perry Dane, *Pluralities of Justice, Modalities of Peace: The Role of Law(s) in a Palestinian-Israeli Accommodation*, 2000, 32 Case W. Res. J. Int'l L., hlm. 276.

⁵ Lihat, Anne-Marie Slaughter, *The Future of International Law: Ending the U.S – Europe Divide*, Crimes of War Project: *The Magazine*, 2002, Sept.: <http://www.crimesofwar.org/sept-mag/sept-slaughter.html>

⁶ Lihat, The Guardian, 2003, Monday, March 10, hlm. 8; dan, Robert Cooper, , *Order, Force and Law in a New Era*, *Crimes of War Project: The Magazine*, 2002 September: <http://www.crimesofwar.org/sept-mag/sept-cooper.html>.

⁷ Lihat, Carlo Galli, , *The Critic of Liberalism: Carl Schmitt's Antiliberalism: Its Theoretical and Historical Sources and Its Philosophical and Political Meaning* 2000, 21 Cardozo L. Rev., hlm. 1598.

⁸ Lihat, Mehmet Ogutcu, , *Islam and the West: Can Turkey Bridge the Gap*, 1994 26 (8) *Futures*, hlm. 811.

perangkap politik dan ekonomi Barat. Mereka kini diragui, dihukum dan ditindas di bawah cogan kata dan slogan "peperangan melawan keganasan," "fundementalis Islam," "sistem pasaran" dan "orde dunia baru."

Rahsia kepada semua masalah ini boleh ditemui dalam sejarah hubungan dan persaingan di antara agama Kristian dan Islam yang pada hari ini telah membayangi hubungan di antara negara sekular Barat dengan Dunia Islam.⁹ Menurut Maxine Rodinson seorang sarjana Perancis terkenal, parut sejarah permusuhan silam ini menyebabkan Barat berusaha menafikan fakta sejarah bahawa masyarakat berubah dan terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan kehidupan dan cara berfikir yang wujud pada masa itu.¹⁰ Ini adalah kerana tiada siapa pun boleh menafikan bahawa tamadun wujud secara bersama dan pertembungan antara tamadun memberikan mereka peluang untuk sama-sama pinjam meminjam di antara satu sama lain. Justeru, semua masyarakat pada peringkat luarannya perlulah menerima kepelbagaian atau relativisme budaya kerana ia amat penting dalam menghasilkan penilaian objektif ke atas budaya-budaya lain.

Dalam konteks hubungan Barat dengan Islam, ia adalah lebih daripada itu. Jika seseorang menyelidiki asal usul undang-undang antarabangsa moden, ia akan berjaya mengesan dalam beberapa prinsip asasnya, seperti yang diformulasikan dalam penulisan-penulisan tradisional, idea-idea dari penulisan juris dan fuqaha Islam. Apa yang perlu hanyalah sedikit keberanian dan kejujuran akademik bagi mengakui perkara ini. Pengkajian mendedahkan bahawa, lapan kurun sebelum Grotius ("bapa undang-undang antarabangsa moden"), sarjana-sarjana Islam telah pun menghasilkan penulisan-penulisan yang pada hari ini kita kenali sebagai undang-undang antarabangsa. Penulisan-penulisan ini yang dikenali sebagai *siyar* menyentuh persoalan-persoalan mengenai penghormatan ke atas perjanjian atau triti, layanan ke atas diplomat asing, dan layanan terhadap tawanan perang. Tidak boleh dinafikan bahawa perkara-perkara ini adalah terdedah kepada pengetahuan penulis-penulis tradisional undang-undang antarabangsa Barat yang datang kemudiannya.¹¹

Hakim Weeramantry berkata seperti berikut:

"Shaybani Muhammad ibn al-Hasan, for example, was one of the authors who wrote a comprehensive treatise on these topics. And this writing was not unknown to Christian Europe. King Alfonso VIII of Castile (1155-1214) wrote his famous Siete

⁹ Masyarakat Kristian awal di Eropah melihat Islam dengan perasaan takut dan penuh kesangsian. Mereka tidak dapat menerima kenabian Nabi Muhammad (*saw*) sebagai Rasul yang sah dan ketulian wahyu yang diwahyukan kepada Baginda (*saw*). Lihat, Albert Hourani, , *Islam in European thought*, Cambridge: Cambridge University Press 1991, hlm. 7-10; Menurut Baher A. Ghoshesh, benih persaingan dan permusuhan di antara kedua agama ini terserlah dari fakta bahawa kedua agama ini bersifat sejagat dan secara aktif berusaha meluaskan ajaran masing-masing ke seluruh dunia. Lihat, Baher A. Ghoshesh, *Making sense of Middle East geopolitics*, 1992, 42 (4) Focus, hlm. 21; dan, bukti jelas mengenai hal ini ialah serangan tentera salib yang dianggap sebagai perang suci dalam menawan semula Juruselam daripada orang Islam. Sungguh pun begitu, sebab awal kepada serangan tentera Salib ini adalah aktiviti *reconquista* di Sepanyol yang telah berlaku selama beberapa abad.

¹⁰ Maxine Rodinson, *Islam and Capitalism* (Diterjemahkan oleh Brian Pearce), London: Penguin Books 1974, Ltd., hlm. 3.

¹¹ Christopher G. Weeramantry, , *International Law and the Developing World: A Millennial Analysis*, 2000 41 *Harv. Int'l L.J.*, hlm. 280.

*Partidas--the encyclopedia of law for his time--with a section on international law taken largely from the Arabic writers. Later writers like Francisco Suarez (1548-1617) made frequent reference to Alfonso, as did Francisco de Vitoria (1486?-1546) and Balthazar Ayala (1548-1584). There is thus a stream of connection between the Islamic writers who formulated these concepts, the later Spanish writers, and thereafter, some of the later European writers.*¹²

Pada hari ini, kerana kurangnya penyelidikan yang dilakukan¹³ dan berlakunya persaingan dan persengketaan antara penganut Kristian dan Islam,¹⁴ *siyar* bukan sahaja diabaikan tetapi juga telah disalah faham dan disalah ertikan oleh banyak sarjana Barat.¹⁵ Ini adalah disebabkan konsep yang sedia terpahat dalam falsafah Barat, iaitu bagi mana-mana negara Islam moden atau negara yang mendaulatkan doktrin perundangan Islam, asas bagi perhubungan dengan negara bukan Islam adalah konsep *jihad* yang sempit.¹⁶ Dari pengalaman tentera salib, Barat mempunyai ingatan dan pengalaman pahit mengenai 'jihad Islam' yang menjadikan mereka prejudis terhadap Islam, justeru menggambarkan bahawa Islam tersebar melalui pedang.¹⁷ Dalam hubungan antarabangsa hari ini, Islam digembar-gemburkan sebagai sumber utama kepada fundamentalisme dan terorisme.¹⁸

Pandangan Barat sebegini secara sengaja atau tidak sengaja diasaskan kepada beberapa episod hubungan antarabangsa Islam yang difahami secara berasingan dari keseluruhan kerangka dan prinsip-prinsip badan *siyar*. Justeru, ini perlu disanggah dan ia tidak boleh dikatakan sebagai mewakili keseluruhan konsepsi asas *siyar*.¹⁹ Malangnya, ada penulis Islam sendiri yang terikut-ikut atau terpengaruh untuk mengambil pendekatan sebegini. Sebaliknya, seseorang itu harus melihat sesuatu isu dalam konteks sejarahnya dan menanda aras hal itu berdasarkan proses pembentukan *siyar* secara menyeluruh atau alternatifnya, bandingkannya dengan

¹² *Ibid.*

¹³ Lihat, Andrew C. Hess, 1970, *The Evolution of the Ottoman Seaborne Empire in the Age of the Oceanic Discoveries, 1453-1525*, 75 (7) *The American Historical Review*, hlm. 1892.

¹⁴ Gilbert Reid, 1916, *Islam: An Appreciation*, 48 (1) *The Biblical World*, hlm. 8.

¹⁵ Lihat, Lawrence Rosen, 1980, *Equity and Discretion in a Modern Islamic Legal System*, 15 (2) *Law & Society Review*, hlm. 218; John Makdisi, 1985, *Legal Logic and Equity in Islamic Law*, 33 (1) *The American Journal of Comparative Law*, hlm. 65; dan, Gamal Moursi Badr, 1977, *Islamic Law: Its Relation to Other Legal Systems*, 26 (2) *The American Journal of Comparative Law*, hlm. 187.

¹⁶ Dalam bahasa Arab, secara literalnya perkataan "*jihad*" bererti "berusaha" atau "bersungguh-sungguh." Ia berkait dengan perkataan, "*jahada*," yang didefinisikan sebagai "menggunakan secara habis-habisan kuasa, usaha, cubaan atau kebolehan seseorang dalam menentang sesuatu objek yang disarankan oleh syariah. Lihat, Sherman A. Jackson, 2002, *Jihad and the Modern World: To 'Abd al-Karim Salabuddin*, 7 *J. Islamic L. & Culture*, hlm. 26.

¹⁷ Lihat, Mark Hartwig, *Spread by the Sword? Is holy war against Christians and Jews - "infidels" - a perversion of Islam? Here's the evidence, from Islamic texts and history*, Answering-Islam org. pd: <http://www.answering-islam.org/Terrorism/by_the_sword.html> terakhir dilawati 29th November, 2004.

¹⁸ Lihat, David A. Westbrook, 1993, *Islamic International Law and Public International Law: Separate Expressions of World Order*, 33 *Va. J. Int'l L.*, hlm. 821.

¹⁹ Misalnya, menerima konsep serangan preemptive sebagai satu tindakan perlindungan diri yang diterima pakai oleh beberapa negara Barat termasuk Amerika Syarikat, sebagai asas utama undang-undang antarabangsa moden. Apakah ia mungkin?

proses evolusi sistem undang-undang lain,²⁰ termasuk undang-undang antarabangsa Barat. Selepas mengambil pendekatan ini, sebilangan sarjana Barat pada hari ini menerima *siyar*²¹ dan beberapa sub-disiplinnya, misalnya persoalan hubungan diplomatik,²² hak asasi manusia²³ dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa²⁴ pada sudut yang positif.

*Syariah dan Syiar*²⁵ (Undang-Undang Antarabangsa Islam)

Pada hari ini tiada seorang pun peguam antarabangsa yang sepatutnya tidak menyedari betapa pentingnya peranan *syariah* dalam masyarakat Islam dan juga dalam dunia antarabangsa. Setiap mereka harus menyedari masalah yang dihadapi *syariah*, masalah yang melandai penganutnya dan orang lain jika falsafahnya, agamanya dan motifnya disalah faham dan disalah ertikan. Disebabkan masalah yang wujud inilah kini di mana-mana dirasai bahawa pengkajian dan kefahaman ke atas *syariah* menjadi begitu penting kepada peguam bukan Islam juga.

Perkataan *syariah* muncul dalam *al-Qur'an* pertamanya dengan membawa erti sebagai "jalan" atau "laluan."²⁶ Justeru, *syariah* boleh diertikan sebagai bermakna jalan yang ditentukan Allah (swt),²⁷ atau undang-undang yang diwahyukan Allah yang boleh dicakupi oleh manusia. Dari segi pendekatannya, *syariah* adalah bersifat holistik atau keagamaan (*eclectic*) dan meliputi bidang-bidang yang lebih luas jika dibandingkan dengan sistem undang-undang moden. Ia mengatur setiap aspek kehidupan individu dan kehidupan masyarakat secara kolektif dan secara persendirian.²⁸ Justeru, peraturan *syariah* memberi kesan kepada perkara-perkara yang luas, misalnya, hal-hal *ibadah* (ritual), *akhlak*, moral, hubungan kekeluargaan, *muamalat* (urusan perdagangan) dan *munakahat* (tingkahlaku sosial), *siyasah* (politik dan pentadbiran), hak dan tanggungjawab rakyat, *qada'* (sistem kehakiman), undang-undang perang dan keamanan, dan *siyar*.²⁹

²⁰ Contohnya, konsep Islam yang tradisional mengenai *dar-al-Islam* (wilayah Islam) dan *dar-al-harb* (wilayah kuffar) tidak pun berbeza dengan teori zaman pertengahan (medieval) dan teori awal zaman Kristian moden. Lihat, Edward Mortimer, 1991, *Christianity and Islam*, 67 (1) International Affairs, hlm. 8.

²¹ Lihat, David A. Westbrook, , *Islamic International Law*, op. cit., hlm. 819-827; dan, Marcel A. Boisard, 1980, *On the Probable Influence of Islam on Western Public and International Law*, 1993 11 (4) International Journal of Middle East Studies, hlm. 429-450.

²² Lihat, M. Cherif Bassiouni, , *Protection of Diplomat Under Islamic Law* 1980, 74 A.J.I.L., hlm. 609-640.

²³ Lihat, Jason Morgan-Foster, , *Third Generation Rights: What Islamic Law Can Teach the International Human Rights Movement*, 2005, 8 Yale H.R. & Dev. L.J., hlm. 67, 102.

²⁴ Lihat, James Cockayne, *Islam and International Humanitarian Law: From a Clash to a Conversation Between Civilizations*, 2002, 84 (847) RICR Septembre IRRC September, hlm. 597.

²⁵ *Siyar* adalah salah satu daripada cabang-cabang *syariah*.

²⁶ "Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu Syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum ugama; maka turutlah Syariat itu,..." *Al-Qur'an*: 45:18.

²⁷ Fazlur Rahman, , *Islam*, Chicago: Chicago University Press, 1979, hlm. 100-2.

²⁸ J. N. D. Anderson, *The Shari'a Today*, *Journal of Comparative Legislation and International Law*, 1949, 31 (3/4) hlm. 18.

²⁹ Lihat, J. N. D. Anderson, *Law as a Social Force in Islamic Culture and History*, 20 (1/3) Bulletin of the School of Oriental and African Studies, 1957, hlm. 14; M. Manzoor Nomani, *Islamic Faith and Practice*, Lucknow, India: Islamic Research and Publications, 1962/1977, hlm. 75; dan, Anwar Ahmad Qadri, *Islamic Jurisprudence in the Modern World*, New Delhi: Taj Company, 1986, hlm. 235.

Matlamat *syariah* dalam aspek keduniaan adalah untuk mewujudkan satu masyarakat yang diasaskan kepada perasaan keimanan atau *tauhid* yang mendalam, yang mendaulatkan prinsip-prinsip tanggungjawab moral dan keadilan dalam usaha mengekalkan kepentingan terbaik masyarakat.³⁰ Disebabkan keunikan inilah, penulis mengekalkan terma "*syariah*" dan cabangannya - "*siyar*", apabila idea-idea "undang-undang Islam" dan "undang-undang antarabangsa Islam" dirujuk.

Oleh kerana *syariah* sentiasa berkembang, bersifat hidup dan mencakupi kesemua aspek aturan sosial,³¹ segenap sektor aspek hubungan antarabangsa adalah juga bahagian penting yang diaturnya. Sejak zaman permulaan Islam lagi, satu aspek undang-undang yang bersifat antarabangsa yang diklasifikasikan sebagai *siyar* telah dibangunkan bersekali dengan badan hukum-hukum *syariah* yang lain.³² Ia mengikat kesemua penganutnya dan juga sesiapa sahaja yang memilih secara sukarela untuk memelihara kepentingan mereka di bawah sistem keadilan Islam.³³ Amalan *syariah* sebegini dalam konteks hubungan antara tamadun dikenalpasti wujud sejak awal zaman kenabian Nabi Muhammad *s.a.w* dan dikenali dengan ungkapan *siyar*,³⁴ dan didokumentasi dan dihimpunkan oleh sarjana-sarjana Islam silam dalam kitab-kitab *sirah*, *maghazi*,³⁵ dan sebahagian kitab *tarikh* (sejarah).³⁶

Secara tradisi terma-terma *siyar* dan *maghazi* digunakan secara sinonim untuk merujuk kepada pengumpulan laporan-laporan mengenai kehidupan Nabi Muhammad *s.a.w*.³⁷ Oleh kerana mempercayai kerasulan Nabi Muhammad *s.a.w* adalah satu cabang utama iman dan agama Islam, maka pengungkapan mengenai sifat-sifat, tingkahlaku dan kehidupan baginda dalam aspek hubungan antarabangsa(dengan bukan Islam) juga telah menjadi sumber-sumber kepada

³⁰ *Syariah* mempunyai dua dimensi: satu yang bersifat keduniaan dan yang satu lagi bersifat keakhiratan. Lihat, Maqbul Ilahi Malik, , *The Concept of Human Rights in Islamic Jurisprudence*, 3 (3) Human Rights Quarterly, 1981 hlm. 57; Wael B. Hallaq, *History of Islamic Legal Theories: An Introduction to Sunni Usul a-Fiqh*, Cambridge: Cambridge University Press, 1997, hlm. 168; dan, Athar Husain, , *The Glorious Caliphate*, Karachi, Pakistan: Darul Ishaat, 1997 hlm. 170-1.

³¹ Ann Elizabeth Mayer, *Stratification, Authority, and Justice in the Law of the Islamic Middle East: A Bibliographical Essay. Part I*, 1977, 4 (2) Bulletin (British Society for Middle Eastern Studies), hlm. 83.

³² Majid Khadduri, *International Law, Islam*, in the Encyclopedia of Public International Law, Jil. 2, Amsterdam/Lausanne/N.Y/Oxford: North-Holland, 1995, hlm. 1236.

³³ Lihat, Ibn Hisham, *Sirat-un-Nabawi: The Prophet's Biography* (Diterjemahkan oleh Mohammad Mahdi al-Sharif, Beirut, Lebanon: Dar al-kotob al-Ilmiyah, 2001), hlm. 106-9; dan, Majid Khadduri, *Islamic Law of Nations: Shaibani's Syiar*, (Diterjemahkan dengan prakata, nota and Apendik), Baltimore, Maryland: The John Hopkins Press, 1966, hlm. 6.

³⁴ Lihat, David A. Westbrook, *Islamic International Law*. 1993, Op. cit., hlm. 827; dan, Wael Hallaq, *Sunni Consensus*, op. cit. hlm. 430.

³⁵ Bangsa Arab gemar untuk menyimpan ingatan mereka mengenai peperangan dan pertempuran antara puak. Jadi adalah dispekulasikan bahawa, dari semua perbuatan dan perkataan Rasulullah *s.a.w*, tradisi mengenai *Maghazi* adalah yang pertama-tama akan menjadi popular dan menyediakan asas untuk dibentuk satu cabang ilmu baru yang dipanggil *Sirah*.

³⁶ Contohnya Tarikh al-Tabari dan Tarikh al-Saghir wal-Kabir tulisan Iman Bukhari. Lihat, Muhammad Qasim Zaman, *Maghazi and the Muhaddithun: Reconsidering the Treatment of the Historical 'Materials' in Early Collection of Hadith*, 1996, 28 (1) International Journal of Middle East Studies, hlm. 4; Shibli Nu'mani, op. cit. Jil. I, hlm. 24-5; dan, A. A. Duri, Al-Zuhri, *A Study of the Beginning of the History Writing in Islam*, 1957, 19 (1) Bulletin of the School of Oriental and African Studies, University of London, hlm. 1.

³⁷ Rizwi F. Faizer, op. cit., hlm. 463.

syariah, justeru memberi makna kepada konsep undang-undang antarabangsa Islam (*siyar*).³⁸

Di zaman selepas era kenabian, *siyar* diperluaskan untuk juga mengambil kira tingkahlaku pemimpin-pemimpin Islam dalam urusan antarabangsa mereka.³⁹ Memandangkan misi kerasulan Baginda Muhammad *s.a.w* yang luas, kewujudan laporan-laporan yang banyak mengenai tingkahlaku Baginda dalam konteks hubungan antarabangsa dan juga amalan pemimpin-pemimpin selepas Baginda mengenai hal tersebut, penulis berpendapat bahawa idea *siyar* yang tradisional kini perlu difahami secara lebih luas. Ia perlu sekurang-kurangnya menjadi asas kepada *siyar* yang diolah semula dan dipermodenkan. Daripada bahan-bahan *siyar* yang tradisi, dapat dilihat dan difahami bagaimana Nabi Muhammad *s.a.w* menyesuaikan keadaan awal umat Islam dengan situasi misinya yang berbeza-beza dan bertahap, dalam tiga fasa utama: iaitu, *pertama* dari era pembentukan dan perlu kepada perlindungan dan jaminan keselamatan,⁴⁰ kepada *kedua*, hubungan yang berlandaskan kerjasama, saling memerlukan dan hormat-menghormati,⁴¹ dan akhirnya *ketiga*, usaha menegakkan keadilan dan mendaulatkan keagungan Illahi.⁴² Keselamatan, keamanan dan kewujudan bersama secara terhormat adalah di antara prinsip-prinsip penting yang ditrapkan oleh Nabi Muhammad *s.a.w* dalam aspek hubungan antarabangsa.⁴³ Kewujudan bersama secara aman yang direalisasikan adalah berasaskan prinsip kesaksamaan dan keadilan supaya apa-apa usaha untuk mencapai keamanan dan keselamatan boleh mengembalikan kehormatan dan kemuliaan diri dalam segenap insan.

Dalam aspek hubungan ekonomi dan pembangunan, di samping mewujudkan satu pakatan kuat di kalangan penganut Islam bagi memelihara kepentingan bersama mereka,⁴⁴ Nabi Muhammad *s.a.w* juga menegaskan tentang komitmen umat Islam untuk bekerjasama di arena gopal,⁴⁵ sebagai sebahagian daripada kesedaran betapa perlunya dipertahankan persaudaraan sejagat dan perpaduan (solidariti) manusia.⁴⁶ Dengan ini, negara-negara perlu bekerjasama ke arah mencapai matlamat pembangunan menyeluruh supaya semua kumpulan warganegara boleh mengongsi segala faedah yang terhasil dari kemakmuran dunia.

³⁸ Contohnya, kitab *Siyar al-Kabir* yang ditulis oleh al-Syaibani pada abad kesembilan dan Kitab *Sahih* Imam Bukhari yang menamakan salah satu daripada babnya sebagai *kitab jihad wa-Siyar*.

³⁹ Lihat, Muhammed Hamidullah, *The Muslim Conduct of State* Lahore, Pakistan: Sh. Muhammad Ashraf, hlm.13; Shibli Nu'mani, *Sirat-un-Nabi*, *op. cit.*, 1953, Jil. I, hlm. 8; dan juga, Majid Khadduri, *Shaybani's Siyar*, *op. cit.*, hlm. 39.

⁴⁰ Lihat, Ibn Hisham, *op. cit.*, hlm. 63 dan 97; dan sesetengah sahabat telah diberi jaminan keselamatan oleh puak-puak yang bersimpati. Lihat, Bukhari, *Sahih*, Jil. 3, Kitab 37, hadith 494.

⁴¹ Lihat, Ibn Hisham, *op. cit.*, hlm. 106-9; dan, Shibli Nu'mani, *op. cit.*, Jil. I, hlm. 264.

⁴² Wakil-wakil kerajaan telah dihantar untuk menemui emperor Byzantine, Qaisar dari Iran, pemerintah Mesir, Najashi dari Abyssinia, Raja Ghassan dan ketua di Yamama untuk mengajak mereka untuk memeluk Islam. Lihat, Ibn Hisham, *op. cit.*, hlm. 260-1.

⁴³ Lihat, *Ibid*. hlm 108.

⁴⁴ *Al-Qur'an*, Ali-Imran:103; dan, juga Nabi (*saw*) telah menubuhkan sebuah negara yang ahlinya terdiri daripada Muhajirin dan Ansar apabila baginda berhijrah ke Madinah. Lihat, Ibn Hisham, *op. cit.*, hlm. 107.

⁴⁵ Di Madinah nabi (*saw*) bekerjasama dengan puak Yahudi, Arabs jahiliah dan juga puak Kristian.

⁴⁶ M. N. Siddiqui, *Principles of International Economic Relations in Islam*, dalam, M. A. Mannan, Monzer Kahf and Ausaf Ahmad (pnyt.), *International Economic Relations From Islamic Perspective*, Jeddah, Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute, 1982, hlm. 16.

Islam menyediakan bagi penganutnya satu sistem aturan awam yang meliputi kedua-dua aspek domestik, mahupun yang berkaitan dengan usaha mewujudkan keaturan dalam hubungan luar. Objektif utama agama Islam adalah untuk mewujudkan keaturan dan keadilan dalam ummah itu sendiri dan oleh kerana ia juga adalah agama sejagat, ia semestinya menawarkan diri untuk menyumbang ke arah mewujudkan sebuah masyarakat sejagat yang terurus dan teratur.⁴⁷ Sama seperti undang-undang antarabangsa moden, "siyar"⁴⁸ adalah secara umumnya di asaskan atas duluan (autoriti), adat, kuasa akal dan perjanjian (triti)⁴⁹ yang diterima oleh syariah.⁵⁰ Tidak ada apa yang lebih jelas daripada apa yang diwahyukan Allah di dalam *al-Qur'an*, yang mana ia menyeru umat Islam untuk memasuki perjanjian kesepakatan dengan mana-mana pihak yang cintakan keamanan.⁵¹ *Al-Qur'an* juga mengarahkan umat Islam apabila memasuki apa-apa perjanjian supaya menghormati terma-terma yang dipersetujui dan melarang apa-apa pelanggaran yang tidak dapat dijustifikasikan.⁵² Baginda Muhammad *s.a.w* sendiri melaksanakan prinsip ini apabila baginda memasuki pelbagai perjanjian semasa hayat baginda.⁵³ Antara yang termasyhur adalah perjanjian Hudaibiyah.

Dalam realiti di mana ummah hari ini telah terpecah kepada negara-negara bangsa yang kecil, *siyar* perlulah digarap dan diarahkan untuk menyediakan satu perlindungan terhadap hak-hak dan kepentingan masyarakat yang pelbagai ini, bagi menjamin kemakmuran bersama, keharmonian sosial, dan hubungan sosial yang erat.⁵⁴ Ia perlulah mengalakkan satu hubungan yang erat bermula di tahap sosial yang paling rendah, misalnya seperti tanggungjawab di kalangan dan di antara keluarga dan tentang persaudaraan,⁵⁵ sehingga ke tahap yang setinggi-tingginya seperti menghormati pemerintah. Sebagai balasannya pelaksanaan keadilan *syariah* ke atas masyarakat oleh pemerintah sebagai pelaksanaan amanah yang dikenakan ke atas mereka.⁵⁶ Secara keseluruhannya, *siyar* haruslah mempromosikan sejenis kehidupan politik masyarakat yang berlandaskan keadilan dan kesaksamaan,⁵⁷ mementingkan

⁴⁷ *Al-Qur'an*, Al-Anbia:107: "Tidaklah kami utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat untuk sekalian alam."

⁴⁸ *Siyar* adalah kata ganda untuk *sirat*, tingkahlaku pemerintah-pemerintah Islam dalam hal hubungan anatarabangsa. Ia mengisyaratkan apa yang kita panggil undang-undang anatarabangsa Islam. Lihat, Majid Khaduri, *International Law - Islam*, *op. cit.*, hlm. 1236.

⁴⁹ Prinsip *Siyar* mengiktiraf sifat keterikatan semua perjanjian selari dengan *maxim pacta sunt servanda*. Lihat, Majid Khaduri, *War and Peace*, *op. cit.*; dan, M. Cherif Bassiouni, *op. cit.*, hlm. 610.

⁵⁰ *Ibid.* hlm. 609.

⁵¹ *Al-Qur'an*, An-nisa':92; Al-Anfal:72 dan Al-Mumtahina:8.

⁵² *Al-Quran*, Al-Taubah:4 & 7; Al-Isra':34; dan Al-Maidah:1; dan Al-Baqarah:177.

⁵³ Baginda (saw) menandatangani perjanjian dengan bangsa Yahudi di Madinah dan Perjanjian Hudaibiyah dengan masyarakat Makkah. Lihat, Shibli Nu'mani, *op. cit.*, Jil. II, hlm. 85 dan 132; dan, Ibn Hisham, *op. cit.*, hlm. 106 dan 191.

⁵⁴ *Shar'ah* mempunyai dua dimensi: satu bersifat keduniaan dan satu lagi bersifat keakhiratan. Lihat, Maqbul Ilahi Malik, *The Concept of Human Rights in Islamic Jurisprudence*, 1981, 3 (3) Human Rights Quarterly, 56, 57; Wael B. Hallaq, *History of Islamic Legal Theories: An Introduction to Sunni Usul al-Fiqh*, Cambridge: Cambridge University Press, 1997, hlm. 168.

⁵⁵ Rasulullah (saw) bersabda: "The believers in their affection and kindness towards each other are like one body. If one limb is in pain, then the rest of the body suffers from fever and sleeplessness." *Bukhari, Sahih*, Jil. 8, Kitab 73, No. 40.

⁵⁶ Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, (Diterjemah oleh Rosenthal, 1969) Princeton: Princeton University Press, hlm. 385-388.

⁵⁷ *Al-Qur'an*, al-Maidah: 2, 8, & 42.

perundingan dan persetujuan bersama,⁵⁸ mengutamakan keamanan,⁵⁹ melindungi hak dan kehormatan manusia disamping memastikan penunaian tanggungjawab,⁶⁰ dan melindungi kebajikan umum semua ahli masyarakat.⁶¹

Dari segi matlamatnya, *syariah* memberi penekanan kepada usaha mengukuhkan hubungan di antara kepimpinan politik dengan masyarakat awam,⁶² mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran,⁶³ dan tanggungjawab setiap individu muslim terhadap masyarakat.⁶⁴ Sifat *syariah* yang menyeluruh ini, tanpa membezakan di antara undang-undang dan moraliti,⁶⁵ akan melindungi masyarakat, memastikan kebajikan dan kemakmurannya, dan memeliharanya daripada segala keburukan dan bahaya yang mungkin dihadapi.⁶⁶ Peraturan-peraturan ini bermatlamat untuk menghasilkan satu ummah yang dari segi *idealnya* adalah bersatu padu walaupun wujud merentasi benua. Namun begitu, walau pun Islam menjamin hak-hak masyarakat kecil dalam ummah, juris-juris dan pemikir-pemikir politik Islam kekal bertegas dalam menafikan kesahan hak untuk berpisah, iaitu mengelak berlakunya perpecahan politik dengan meminimakan jurang di antara ideal dan realiti.

Dalam konteks yang lebih luas, negara-negara Islam yang secara berkumpulan terikat sebagai satu ummah adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan hubungan antarabangsa mereka dengan dunia lainnya berdasarkan prinsip undang-undang dan moral yang diterima oleh semua.⁶⁷ Ini adalah sebahagian daripada etika sejagat yang dapat ditemui tertanam dalam tradisi Islam, Kristian⁶⁸ dan sebagainya. Justeru, *siyar* adalah pernyataan umat Islam mengenai persepsi mereka mengenai undang-undang antarabangsa, dan ini boleh diterjemahkan kepada sub-sub bidang undang-undang antarabangsa seperti undang-undang antarabangsa awam, undang-undang hak asasi manusia, undang-undang ekonomi,⁶⁹ undang-undang

⁵⁸ *Al-Qur'an*, Ash-Shura: 38.

⁵⁹ Misalnya, mewujudkan sistem kehakiman dan sistem keselamatan (polis). *Lihat*, Athar Husain, *op. cit.*, hlm. 168, 222-6.

⁶⁰ Aspek ini dipanggil *huququl Ibad* (human rights). *Lihat*, Shibli Nu'mani, *Sirat-un-Nabi*, Jil. 5, Diterjemah ke Bahasa Inggeris oleh M. Tayyib Bakhsh Budayuni, 1979, Lahore, Pakistan: Kazi Publication, hlm. 206 dan 290.

⁶¹ Athar Husain, *op. cit.*, hlm. 169.

⁶² Empat khalifah di Zaman Khulafa al-Rashidin sering mengambil tahu tentang kesengsaraan setiap anggota masyarakat mereka. *Lihat*, Athar Husain, *op. cit.*, hlm. 193.

⁶³ *Al-Qur'an*, Ali-Imran: 110.

⁶⁴ *Lihat*, Shibli Nu'mani, *op. cit.*, Jil. 5, hlm. 263-5.

⁶⁵ Ziauddin Sardar, 1999, *Development and the Locations of Eurocentrism*, dalam Ronaldo Munck dan Denis O'Hearn, *Critical Development Theory: Contributions to a New Paradigm*, London dan New York: Zed Books, hlm. 51.

⁶⁶ M. Manzoor Nomani, 1977, *Islamic Faith and Practice*, Lucknow, India: Islamic Research and Publication, 4th ed., hlm. 139.

⁶⁷ Islam menghendaki hubungan ekonomi di antara pihak-pihak dilaksanakan dengan persetujuan bersama. *Lihat*, *Al-Qur'an*, An-Nisa:29 dan Ash-Shura:38.

⁶⁸ Ismail Ragi A. al-Faruqi, *On Arabism: Urubah and Religion*, Amsterdam: Djambatan, 1962, hlm. 37.

⁶⁹ *Lihat*, Rohimi Hj. Shapiee, *Mengetengahkan Konsep Syiar Ekonomi (Undang-Undang Ekonomi Antarabangsa Islam): Jatidiri Negara Merdeka Dalam Mendaulatkan Syariah Dalam Undang-Undang Antarabangsa*, Dalam Anisah Che Ngah, Rohimi Hj. Shapiee, Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Rahmah Ismail dan Shamsudin Suhor, *Undang-Undang Malaysia: 50 Tahun Merentasi Zaman*, Fakulti Undang-Undang, UKM, 2007, hlm. 253-321; Rohimi B. Shapiee, "International Development Cooperation within the Context of Economic Syiar (Islamic International Economic Law): An Overview," *Journal of Islamic State Practices in International Law*, 2007, Vol. 3, Issue 3; dan, Rohimi B. Shapiee, A

kemanusiaan, undang-undang perang,⁷⁰ undang-undang laut, undang-undang alam sekitar dan sebagainya.

CABARAN YANG DIHADAPI MUSLIM

Dalam realiti semasa, konsep *siyar* yang didasarkan kepada *syariah* perlu memberi penekanan kepada prinsip-prinsip mengenai kewujudan bersama secara aman dan ia perlulah diketengahkan, diberi nafas baru dan diperkemaskinikan. Ini mungkin kedengaran agak mencabar bagi juris, sarjana dan para diplomat, kerana kini mereka perlu menangani isu mengenai undang-undang dan hubungan antarabangsa berdasarkan satu platform yang lebih luas.⁷¹ Sungguh pun demikian, melihatkan keupayaan *syariah* dalam menerima perubahan dan akomodatifnya kepada proses evolusi merupakan penerimaan antara sifat paling penting *syariah*.⁷² Mungkin benar dakwaan yang mengatakan bahawa warisan Islam meliputi juga elemen-elemen yang mempromosi konservatisime, tetapi pada masa yang sama, pengerak pembaharuan timbul di setiap era bagi meluaskan pilihan masyarakat ke atas undang-undang dan institusi bagi memenuhi tuntutan khusus yang dihadapi oleh masyarakat.⁷³

Berdasarkan prinsip-prinsip dari *al-Qur'an* dan *Ahadith*, umat Islam perlulah menghadapi realiti dan mengembalikan semula jati diri mereka sebagai sebuah kelompok bangsa-bangsa (atau Negara) dan memberi sumbangan kepada pencarian dunia yang dahagakan kemajuan yang adil dan saksama. Hari ini apa-apa gesaan untuk bergerak ke arah kedamaian dan keamanan sejagat dan kepada kerjasamapembangunan akan menerima sokongan yang baik. Justeru, apa-apa usaha untuk mencapai satu orde politik, ekonomi dan sosial yang adil adalah pendekatan yang akan diterima oleh semua agama dan aturan sosial yang wujud di dunia.⁷⁴ Pengalaman penganut Islam di Asia Tenggara dalam menghadapi cabaran pluralisme dan kejayaan mereka dalam menjadikan Islam ketara dalam sektor awam dan dalam mengartikulasikannya sebagai titik rujukan utama masyarakat yang bergerak maju di era moden, membuktikan betapa relevannya *syariah* dalam dunia hari ini. Ini menyokong pendapat bahawa orang Islam perlu lebih berwaspada dengan 'label Islam' dan sebaliknya mereka memberi perhatian lebih kepada isi bukan bentuk sesuatu perkara.

Framework of Economic Syiar or Islamic International Economic Law: An Introduction, Manchester Journal of International Economic Law, 2006, Vol. 3. Issue 3, hlm. 45-91.

⁷⁰ Troy S. Thomas, *Jihad's captives: Prisoners of war in Islam*, Journal of Legal Studies, 2002-3, Vol. 12, hlm. 87-101.

⁷¹ Di era perluasan Islam dan pertembungan ketenteraan, undang-undang perang dan jihad menjadi tumpuan utama para sarjana undang-undang. Sungguh pun begitu, apabila arus perluasan Islam tamat, negara-negara Islam perlu menyesuaikan hubungannya dengan negara luar atas asas selain dari yang wasankan dalam jilid atau undang-undang perang. Lihat, Majid Khadduri, Shaibani's *Siyar*, *op. cit.*, hlm. 5.

⁷² *Siyar* atau Undang-Undang antarabangsa Islam direka bentuk dan dibangunkan bagi memenuhi keperluan atau kehendak masyarakat dalam era-era yang belbagai. Lihat, To 'Abd al-Karim Salabuddin, *Jihad and the Modern World*, 7 (2002). 7 J. Islamic L. & Culture hlm.

⁷³ Timur Kuran, *The Absence of the Corporation in Islamic Law: Origins and Persistence*, 2005, 53 Am. J. Comp. L., hlm. 785, 822.

⁷⁴ Parliament for World's Religions, *Declaration Toward a Global Ethic*, 4 September 1993, dalam Chicago USA, di: <<http://www.cpwr.org/resource/ethic.pdf>>.

Untuk ini, umat Islam perlulah mula *berfikir* secara serius dan memutuskan sendiri apakah yang baik dan sesuai untuk survival mereka. Mereka perlu berusaha mengeratkan kesatuan, bukan sahaja dalam idea tetapi yang lebih penting lagi dari segi tindakan. Mereka perlu mempertahankan kemerdekaan dan hak penentuan nasib mereka sendiri, dan menentang apa sahaja manipulasi dan tekanan asing dalam apa bentuk sekali pun. Apabila umat Islam kembali kepada Islam, dan mengambil kembali peraturan-peraturan politik, ekonomi dan sosial yang berasaskan Islam, barulah pergerakan sebenar ke arah keamanan dan pembangunan akan menunjang teguh. Pada masa itu, keupayaan rekacipta akan terserlah dan satu mekanisme bagi kedua-dua kemajuan rohani dan kelanjutan pembangunan akan di arahkan secara saintifik dalam satu pendekatan yang akan melindungi kepentingan umat Islam dan komuniti sejagat secara saksama.

Artikel ini mencadangkan beberapa pendekatan yang boleh digerakkan oleh sarjana-sarjana Islam dalam usaha memperkukuh dan mempromosi pendekatan baru umat Islam dalam membina, memahami dan mempraktikkan hubungan dan amalan undang-undang antarabangsa perspektif *siyar*. Ini berkemungkinan dapat diguna pakai oleh sarjana Islam dalam mempromosi aspek-aspek khusus undang-undang antarabangsa dalam memelihara dan mempertahankan kepentingan umat Islam dan keadilan sejagat.

a. Fahami Konsep Undang-Undang Antarabangsa Barat

Sungguh pun telah berlaku pembangunan idea undang-undang antarabangsa yang memberansangkan dalam aliran pemikiran Barat, undang-undang antarabangsa bukanlah hasilan budaya Barat semata-mata. Ia seperti lain-lain ide intelektual, adalah hasil perkongsian dari pelbagai tamadun. Kajian telah membuktikan bahawa banyak tamadun telah menyumbang dan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ide undang-undang antarabangsa.

Dalam konteks ini, aliran pemikiran undang-undang antarabangsa Islam adalah amatlah penting, dan tidak dapat dinafikan bahawa ia juga menimba sumber dari aliran-aliran yang lain sebelum dan semasa dengannya. Semasa berlakunya kecenderungan mencari dan membina ilmu di era keagungan Islam, banyak sumber-sumber dari Greek, Yunani, India, dan bahkan dari negara China telah dikumpul. Ini semua adalah sumber-sumber yang mendorong kepada timbulnya satu aliran pemikiran tradisi Islam yang tersendiri. Sejarah undang-undang antarabangsa adalah satu proses yang berkesinambungan dan adalah lebih tepat dan sesuai untuk diiktiraf bahawa kemunduran di Timur berganti dengan bangkitnya tamadun Barat selepas abad keenam belas. Kemudiannya di lewat abad kedua puluh dan awal abad kedua puluh satu pemusatan ekonomi menjadi lebih tersebar terutamanya di Asia pasifik. Justeru, Barat dan Timur hanyalah sebahagian daripada satu orde undang-undang yang lama, yang mana di dalamnya berlaku semua perubahan iaitu satu proses besar di mana muncul dan jatuhnya tamadun dalam putaran roda sejarah.⁷⁵ Dunia tidak pernah wujud sebagai satu masyarakat yang tunggal tetapi wujud dalam bentuk

⁷⁵ Ibid Andre Gunder Frank, *op. cit.*, hlm. 277.

berbangsa dan berwilayah yang berbeza.⁷⁶ Justeru, sejarah kemanusiaan perlulah mengambil kira segala interaksi yang melibatkan semua tamadun dunia.⁷⁷ Dalam kefahaman yang luas, kewujudan tamadun yang besar boleh diambil sebagai landasan kepada pengkajian mengenai hubungan merentasi budaya dan pembentukan satu orde undang-undang dunia.⁷⁸ Ini adalah pendekatan semulajadi yang boleh dipakai dalam memahami dinamika pembangunan dan perubahan dunia. Dari sini, satu analisis tentang tahap-tahap waktu, yang melibatkan kesemua period utama sejarah bangsa-bangsa boleh disepadukan ke dalam satu aliran sejarah dunia yang luas.⁷⁹ Ia akan mendedahkan satu dinamika perhubungan antara tamadun dan akan menghasilkan keupayaan untuk mengenal pasti tamadun manakah yang sedang naik dan yang mana pula sedang menuju ke arah keruntuhan dalam sesuatu era. Dalam lain perkataan, ia mengiktiraf sifat sementara dan dinamikinya sesuatu struktur tamadun dalam proses di mana manusia saling belajar mempelajari, berkongsi dan lantaran menjadi maju.⁸⁰

Justeru, adalah menjadi satu cabaran kepada umat Islam untuk melihat undang-undang antarabangsa sebagai bukan satu binaan Barat semata-mata, tetapi sebenarnya, merupakan satu binaan masyarakat sejagat. Ia adalah hasil daripada satu proses interaksi pelbagai tamadun dan pelbagai budaya, dan kefahaman mengenai hakikat sedemikian akan menjadikan sebahagian kelompok antarabangsa yang tidak meyakini undang-undang antarabangsa kembali mengiktiraf kepentingannya. Masalahnya, masih ramai di kalangan peguam-peguam antarabangsa yang masih tanpa ragu-ragu menerima dakwaan bahawa undang-undang antarabangsa adalah satu ciptaan Barat. Ini terjadi kerana kurang sempurnanya kefahaman sesetengah pihak berhubungkait meluas aspek-aspek sejarah perundangan.⁸¹ Dalam menyanggah corak pemikiran sebegini, sarjana-sarjana Islam harus menjadikan diri mereka lebih sedar tentang semakin bersepadunya dalam pendekatan undang-undang.

Tambahan lagi, mereka haruslah memahami bagaimana peguam antarabangsa Eropah berusaha secara bersepadu untuk mempromosikan satu orde undang-undang antarabangsa yang diujjahkan bersifat sejagat dengan membawa bersama masyarakat bukan Barat yang 'tidak bertamadun' untuk sama-sama melibatkan diri, mengurus, dijajah, dikawal, dan dieksploitasikan oleh Barat. Dalam proses itu, kuasa hegemoni Barat telah secara berterusan mengetengahkan konsep undang-undang antarabangsa berpusatkan mereka, yang pada dasarnya

⁷⁶ Allah mencipta manusia berkepelbagaian dalam konteks bangsa dan bahasa (*Al-Qur'an*: Ar-Rum:22), dan Negara dan puak (*Al-Qur'an*: Al-Huujrat:13).

⁷⁷ Jerry H. Bentley, *Cross-Cultural Interaction and Periodization in World History*, 1996, 101 (3) *The American Historical Review*, hlm. 750.

⁷⁸ Lihat, P. D. Curtin, *Cross-Cultural Trade in World History*. Cambridge, England: Cambridge University Press; 1984, Janet L. Abu-Lughod, *Before European Hegemony: The World System A.D. 1250-1350*, New York: Oxford University Press 1989 K. N. Chaudhuri, *Trade and Civilisation in the Indian Ocean: An Economic History from the Rise of Islam to 1750*, Cambridge, England: Cambridge University Press; 1985, dan, Immanuel Wallerstein, *The Modern World-System*, 3 Jil. New York: Academic Press. 1974-1989,

⁷⁹ Lihat, Peter N. Stearns, *Ibid*, hlm. 563; dan juga, Craig A. Lockard, 1981, *Global History, Modernization and the World System Approach: A Critique*, 14 (4) *The History Teacher*, hlm. 492.

⁸⁰ Lihat, Immanuel Wallerstein, *Civilizations and Modes of Production: Conflicts and Convergences*, 1978, 5 (1) *Theory and Society*, hlm. 2; dan, Mesopotamian History and People, di: <http://www.wsu.edu/~dee/TEXT/meso.rtf>.

⁸¹ Christopher G. Weeramantry, 2000, *International Law and the Developing World: A Millennial Analysis*, 41 *Harv. Int'l L.J.*, hlm. 277, 280.

mengutamakan suatu pihak sahaja. Konsep dan prinsip sebegini terhasil kerana diwujudkan pelbagai triti/statut undang-undang dan 'kuasa-kuasa berdaulat' yang mudah dipermainkan dan siap sedia untuk diguna pakai oleh dunia bukan Barat.⁸²

Retorika mengenai misi 'mentamadunkan' yang membezakan antara dunia bertamadun dengan dunia tidak bertamadun diulang-ulang dalam perbincangan antarabangsa melalui kategori-kategori seperti 'timur' dan 'barat' dan, terutamanya dalam konteks era moden ini 'perang menentang terrorisme', yang bertamadun dan yang ganas (*barbaric*). Kedaulatan sebenar sentiasa tersimpan di pihak yang dikatakan 'bertamadun' dan 'maju,' dengan mengeneipkan kepentingan golongan 'tidak bertamadun' dan 'sedang membangun.' Pihak yang tidak bertamadun sentiasa dibandingkan dengan pihak bertamadun yang mewakili satu darjah yang diujahkan sebagai sejagat. Ini hasilnya akan mewujudkan satu dinamika perbezaan yang secara semulajadi menghasilkan jurang di antara dua budaya, yang kemudiannya menuntut kepada ditutupnya jurang tersebut melalui diperkenalkannya teknik-teknik untuk melegakan masyarakat yang tidak mahu patuh.⁸³

Mendefinisikan 'tidak bertamadunnya' sesuatu masyarakat bukan Barat di luar kerangka undang-undang antarabangsa memberikan suatu justifikasi undang-undang kepada langkah-langkah seperti layanan berbeza (*differential treatment*) ke atas orang-orang bukan Barat, dan keperluan supaya terjadi asimilasi bukan Barat ke dalam regim undang-undang antarabangsa yang bersifat sejagat dan positivisme. Justeru, kolonialisme dijadikan penyebab, dan undang-undang antarabangsa sebagai justifikasinya, dalam misi mengtamadunkan untuk membawa dunia 'tidak bertamadun' ke bawah pengaruh orde undang-undang antarabangsa sejagat. Pendekatan Barat sebegini ke atas orde undang-undang antarabangsa haruslah difahami dan diperbetulkan oleh umat Islam.

b. Menyedari Wujudnya Pendekatan Yang Pelbagai ke atas Undang-Undang Antarabangsa

Dari segi realiti, jika kita melihat sejarah pembangunan dan perkembangan undang-undang antarabangsa dengan minda yang kritis, dapat disimpulkan tiada siapa pun yang boleh bebas bahawa persaingan dan kewujudan bersama antara budaya adalah sebahagian dari asam garam kehidupan antarabangsa.⁸⁴ Bertentangan dengan sudut pandangan sejarah Barat yang konvensional, apa yang dituntut terhadap kita dalam pengkajian undang-undang antarabangsa ialah pendedahan satu sejarah dunia yang umum dan dikongsi bersama.⁸⁵ Ini adalah sejarah tentang kewujudan bersama tamadun-tamadun lampau di Timur, mengenai kolonialisme dan perjuangan menentang kuasa penjajah iaitu sejarah dari kaca mata orang-orang yang masyarakat mereka dilanda oleh orde undang-undang antarabangsa moden, yang sehingga kini masih sedang menyempurnakan sifatnya. Analisa sebegini mendapati bahawa

⁸² Anghie, Antony, 2005, *Imperialism, Sovereignty and the Making of International Law*, Cambridge, New York: Cambridge University Press, hlm 317.

⁸³ *Ibid.*, hlm. 4.

⁸⁴ Lihat, Gray L. Dorsey, *McDougal-Lasswell Redux: The McDougal-Lasswell Proposal to Build a world public order*, 1988, 82 A.J.L.L., hlm. 51.

⁸⁵ Antony Anghie, *Civilization and Commerce: the Concept of Governance in Historical Perspective*, 45 Vill. L. Rev., 2000, hlm. 891.

undang-undang antarabangsa sejagat telah digunakan untuk mengtransformasikan darjah ketamadunan *Westphalia* ke dalam 'tamadun globalisasi' yang liberal.⁸⁶

Sebagai sanggahan terhadap pendekatan yang unitari ini, kita boleh membuktikan, bahawa pada peringkat antarabangsa sentiasa wujud perbezaan penting tentang pendekatan, polisi dan kepentingan di kalangan negara dan kumpulan negara-negara.⁸⁷ Justeru, disamping usaha pensejagatan, sentiasa terdapat perkembangan berterusan aspek budaya khusus dan terutamanya pendekatan serantau⁸⁸ dan institusional⁸⁹ dalam hubungan antarabangsa. Sebab itulah hari ini kita boleh temui, misalnya, senarai pengecualian umum⁹⁰ dan pengecualian keselamatan⁹¹ yang penuh dengan kontroversi dan sensitif dalam perjanjian-perjanjian WTO, atas alasan, misalnya, bagi melindungi moral dan budaya sesuatu masyarakat dan kerisauan tentang keselamatan.

Undang-undang antarabangsa pernah, sentiasa dan sebenarnya berbentuk kepelbagaian. Dalam undang-undang antarabangsa sentiasa wujud perbezaan doktrin dan justifikasi teori menurut sudut pandangan setiap masyarakat dan budaya yang berbeza. Jika pun doktrin dan teorinya sama, kemungkinan maknanya berbeza bagi masyarakat dan budaya yang berbeza. Ringkasnya, undang-undang antarabangsa tidaklah lebih daripada merupakan satu 'pluralisma undang-undang' yang dibungkus dan dijual sebagai bersifat sejagat melalui teori, interpretasi professional, dan amalan masyarakat tertentu, atau politik di tempat tertentu dan pada waktu tertentu.⁹² Sarjana undang-undang dan aktivis-aktivis Muslim yang progresif perlu menggunakan strategi ilmiah yang kukuh bagi mengidentifikasikan dan menerangkan secara tepat orde undang-undang dan normatif institusi governan antarabangsa yang sifatnya pelbagai, berkonflik, di peringkat, kebangsaan, serantau, dan transnasional bersifat tidak saksama yang sehingga kini telah menghasilkan, menjustifikasi, dan menginstitusikan pembahagian di antara kaya dengan miskin, kita dengan mereka, dan Utara dengan Selatan. Dengan cara ini, mereka boleh menggunakan rumusan dan kritikan ke atas disiplin itu sendiri sebagai satu cara untuk mendedahkan betapa tidak seimbangnyanya operasi praktikal dan juga mengemukakan bantahan politik terhadap kecenderungan imperialisme yang ada dalam disiplin undang-undang antarabangsa yang dikatakan sejagat itu.

Dengan adanya projek sedemikian, akan timbul penyebaran naratif dan visi normatif undang-undang antarabangsa yang menafikan klasifikasi secara mudah. Ia juga akan menjadi satu cubaan untuk mengsejagatkan keseragaman tetapi pada waktu yang sama menyediakan asas pluralisme bagi keesahan dan sumbangan normatif yang

⁸⁶ Lihat contohnya, David P. Fidler, *International Human Rights Law in Practice: The Return of the Standard of Civilization*, 2001, 2 Chi. J. Int'l L., hlm. 140.

⁸⁷ Lihat, Josef L. Kunz, *The Changing Science of International Law*, 1962, 56 A.J.I.L., hlm. 488; dan, Steven R. Ratner and Anne-Marie Slaughter (Eds.), *Symposium on Method in International Law: Appraising the Methods of International Law: A Prospectus for Readers*, 1999, 93 A.J.I.L., hlm. 293.

⁸⁸ Mislanya NAFTA, MERCUSOR, EU, AFTA, GCC dan ASEAN.

⁸⁹ Terdapat pendekatan institusional berbeza di antara institusi-institusi berasaskan Bretton Wood (Bank Dunia, IMF dan WTO) dengan institusi berasaskan PBB (ILO, UNDP, FAO, WHO dan lain-lain) dalam konteks perdagangan dan pembangunan.

⁹⁰ Artikel XX, GATT.

⁹¹ Artikel XXI, GATT.

⁹² Dan Danielsen, 2006, *Books on International Law: Book Review: Anghie, Antony, Imperialism, Sovereignty and the Making of International Law*, 100 A.J.I.L., hlm. 758.

baru. Sememangnya, ini akan melibatkan satu risiko untuk menyimpang arah dari projek asal untuk mewujudkan satu undang-undang antarabangsa yang sejagat dan secara formalnya mengikat negara-negara berdaulat yang sama rata, pada masa yang sama memungkinan perluasan kuasa hegemoni atau imperialisme yang sudah lama mencengkam. Sebenarnya, dengan diketengahkan pluralisme dan usaha mengharmonikan pendekatan ke atas undang-undang antarabangsa, ia akan menjadi satu halangan yang setidak-tidaknya akan memperlambatkan cita-cita Barat dalam mengesajatkan undang-undang antarabangsa yang sifatnya akan sentiasa memelihara kepentingan kekuasaan imperial mereka.

Bagi umat Islam dan penduduk dunia membangun yang lain, mungkin sudah tiba masanya untuk mengadakan strategi yang baru. Iaitu, diperkenalkan pluralisme undang-undang tanpa payung kesejagatan iaitu satu pluralisme undang-undang yang menghormati dan mengiktiraf konsep kedaulatan, institusi-institusi yang menghasilkan norma baru, eksperimentasi dan bantahan berorganisasi tempatan, kebangsaan, dan serantau terhadap 'kesejagatan' dan 'amalan terbaik' regim-regim governan sedia ada.

c. Mempromosi Semangat Kesarjanaan Baru Dalam Syiar

Cabaran semasa yang besar bagi sarjana Islam hari ini ialah untuk mengeneipkan sikap tidak prihatin dan idea umum bahawa pintu *ijtihad* sudah tertutup⁹³ dan membekukan pembangunan *syariah* dan *siyar* untuk tempoh beberapa ratusan tahun. Ia telah melemahkan usaha untuk menghubungkan jurang di antara teori dan amalan dan di antara hakikat dan *ideal* di dalam pengkajian dan pelaksanaan *siyar*. Mereka harus menyingkap kembali sejarah *siyar* dan cuba memahami proses pembentukannya yang panjang dalam konteks realiti semasa, dan membinanya semula dalam bentuk isu-isu yang boleh dikenal pasti seperti kerisauan mengenai keamanan dan keselamatan antarabangsa, pembangunan ekonomi antarabangsa dan sebagainya.

Oleh itu, *siyar* tradisional yang telah didokumentasikan itu perlulah diperluaskan dan diperkemaskinikan melampaui pengriwayatannya mengenai peperangan, untuk mengambil kira juga aspek-aspek perkembangan sejarah terkemudian yang meliputi segenap aspek hubungan antarabangsa. Misalnya dalam konteks diplomatik, hak asasi manusia dan ekonomi. Begitu juga, peristiwa-peristiwa sejarah terkini yang tidak berpeluang untuk direkodkan dalam laporan-laporan *siyar* tradisional perlulah juga dieksplorasikan dan dijadikan sebagai sumber-sumber kepada usaha untuk membangunkan satu badan *siyar* yang dipermodenkan dan yang bersifat pragmatik. Ini amat diperlukan oleh dunia Islam hari ini.

Ajaran dan konsep *syariah* yang dahulunya ditubuhkan dalam *siyar* tradisional perlulah diperkemaskinikan kerana kesemuanya hanya mencerminkan keadaan sosial, ekonomi, dan politik di masa itu. Sebagai respons kepada perubahan yang sedang berlaku dan kemunculan isu-isu yang baru, misalnya bio-teknologi, hukum-hukum *syariah* yang baru perlulah secara beransur-ansur diperkenalkan.

⁹³ Lihat, Wael Hallaq, *Was the Gate of Ijtihad Closed?* 1984, 16 (1) International Journal of Middle East Studies, hlm. 3-4; dan, Ahmad Dallal, *The Origins and Objectives of Islamic Revivalist Thought, 1750-1850*, 1993, 113 (3) Journal of the American Oriental Society, hlm. 341.

Sungguhpun demikian, syarat utamanya ialah, walau bagaimana rumitnya sekali isu itu, hukumnya mestilah selari dengan kehendaak *al-Qur'an* dan *Sunnah*. Ini adalah kerana *al-Qur'an* dan *Sunnah* telah membataskan segala aktiviti manusia, termasuk aktiviti ekonomi dan pembangunan kepada batasan-batasan tertentu bagi menjamin berkekalannya keharmonian dan kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan,⁹⁴ tidak kira sama ada dalam domain dalaman mau pun luaran.⁹⁵ Contohnya, dalam kebanyakan aspek hubungan ekonomi antarabangsa hari ini, masyarakat Islam menjadi semakin sedar dan kritikal dan mula mengenal pasti elemen-elemen perdagangan dan norma-norma kewangan yang dianggap bercanggah dengan ajaran *syariah*.⁹⁶ Yang menjadi isu utama di sini ialah peningkatan kesedaran di kalangan umat Islam untuk mencari penyelesaian kepada masalah politik, sosial dan ekonomi mereka di dalam Islam dan *syariah*.⁹⁷ Pandangan sebegini dalam perbincangan intelektual mengenai kebangkitan semula Islam merujuk kepada fakta bahawa Islam perlulah menjadi ideologi yang menjadi panduan kepada masyarakat secara menyeluruh dan asas perundangannya mestilah selari dengan *syariah*.⁹⁸ Darjah dan sifat kebangkitan Islam membezakan proses 'Islamisasi' dengan kebangkitan-kebangkitan lain.⁹⁹ Salah satu sebab yang jelas bagi kenyataan ini ialah kebanyakan negara Islam sebahagian besarnya masih *Islamic*,¹⁰⁰ dalam erti kata sifat dan amalan umum keagamaan dalam masyarakat.¹⁰¹ Justeru, sarjana Islam perlulah membuat penerokaan melampaui acuan Barat mengenai permasalahan undang-undang antarabangsa dan mencari penyelesaian kepada isu-isu tersebut dengan menggunakan doktrin-doktrin *syariah* sebagai asas bagi mencapai keadilan dan kesaksamaan antarabangsa.¹⁰²

⁹⁴ Joseph J. Spengler, *Economic Thought of Islam: Ibn Khaldun*, 1964, 6 (3) *Comparative Studies in Society and History*, hlm. 274.

⁹⁵ Justeru, di dalam jurisprudens Islam tidak wujud pembahagian praktikal di antara undang-undang domestik dan *Siyar*. Lihat, Majid Khadduri, *War and Peace in the Law of Islam*, Baltimore: The Johns Hopkins Press, 1955, hlm. 52.

⁹⁶ Lihat, *The Economist*, *Sharianomics: Britain's first Islamic bank gets official approval*, 2004, 00130613, 8/14, Jil. 372, Keluaran 8388.

⁹⁷ Satu contoh adalah peningkatan dalam bidang Kewangan dan Perbankan Islam.

⁹⁸ Lihat, J.N.D. Anderson, *Law as Social Force in Islamic Culture and History*, 1957 20 (1/3) *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, University of London, hlm. 13; dan, William E. Shepard, *Muhammad Said al-Ashmawi and the Application of the Shari'a in Egypt*, 1996, 28 (1) *International Journal of Middle East Studies*, hlm. 39, 40.

⁹⁹ Lihat, *The Middle East Quarterly Debate between Martin Kramer, Graham Fuller and John Esposito, Is Islamism a Threat?* 6 (4) *The Middle East Quarterly*, (1999). Di: <<http://www.meforum.org/article/447>>; William A. Graham, *Traditionalism in Islam: An Essay in Interpretation*, 1993, 23 (3) *Journal of Interdisciplinary History*, hlm. 495; dan, *The Economist*, *The gods that failed*, 9/13/2003, Jil. 368, Keluaran 8341.

¹⁰⁰ Lihat, William E. Shepard, *Islam and Ideology: Towards a Typology*, 1987, 19 (3) *International Journal of Middle East Studies*, hlm. 309.

¹⁰¹ Lihat, *The Economist*, *The gods that failed*, *op. cit*; David Novak, *Religious or Secular?* 1993, 86 *Va. L. Rev.* 571-2 dan, Maimon Schwarzschild, *Religion and Public Debate in a Liberal Society: Always Oil and Water or Sometimes More Like Rum and Coca-Cola?* (2000); 30 *San Diego L. Rev.*, hlm. 919.

¹⁰² Misalnya, dalam perundangan Islam mengenai kewangan dan perbankan, sarjana Islam gagal untuk pergi melampaui template kewangan dan amalan perbankan Barat. Mereka membataskan perbincangan mereka mengenai apakah yang diharuskan dalam alat-alat kemudahan perbankan dan kewangan tetapi tidak menangani isu-isu mengenai wang fiat dan system perbankan berdasarkan sistem rezab sebahagian (*fractional reserve*) yang menjadi asas kepada setiap masalah ketidakadilan ekonomi yang ada pada hari ini.

Artikel ini menarik perhatian Peguam-peguam antarabangsa Islam perlu menggunakan undang-undang antarabangsa dalam konteks keperluan mereka sendiri dalam batasan-batasan perundangan, doktrinal dan bahan-bahan sejarah. Pada waktu yang sama, sebagai sebahagian daripada kritikan bagi keseimbangan dan perlu dikembalikan titik penengah dalam undang-undang antarabangsa. Oleh itu perlu diingati bahawa pendekatan dan amalan sebegini merupakan satu pendekatan yang betul-betul bercirikan keserantauan atau pemikiran undang-undang bercirikan pendekatan khusus suatu tamadun. Sarjana hukum Islam di zaman awal telah membahaskan dengan panjang lebar mengenai prinsip undang-undang antarabangsa dan isu yang penting berkaitannya di waktu mereka. Bahkan telah dibuktikan bahawa peguam-peguam undang-undang antarabangsa Barat moden terdahulu telah mendapat banyak manfaat daripada perbincangan sarjana-sarjana Islam tersebut, dan ia telah banyak membantu mereka untuk memikirkan satu corak global tentang apa yang kita fahami pada hari ini sebagai undang-undang antarabangsa moden.

Tanpa penjelasan, kita tidak akan berupaya memahami isi atau perbezaan di antara *siyar* dan undang-undang antarabangsa moden. Dengan memahami perbezaan di antara sistem undang-undang dan kepercayaan, konflik dapat dielakkan bukan sahaja di Timur Tengah, tetapi juga di mana-mana sahaja di dunia ini. Hari ini, apa yang memberansangkan ialah kita sedang melihat peningkatan dalam minat untuk mengkaji *syariah* dan *siyar*. Organisasi antarabangsa yang besar seperti *International Law Association* dan juga sekolah-sekolah undang-undang ternama dunia telah mula menunjukkan minat untuk mempelajari dan memahami apakah itu *syariah*. Ini sebenarnya adalah amat positif bagi pengajian dan pengkajian *siyar*.

Justeru, pusat pengajian dan penyelidikan *siyar* dan disiplin berkait dengannya haruslah diwujudkan di dunia Islam. Ia amat membantu jika negara-negara Islam yang kaya mula membiayai pengajian *siyar* di universiti-universiti terkenal termasuk di Barat. Apa yang lebih penting ialah, kita perlu melihat lebih banyak perbincangan dan perbahasan mengenainya di kalangan sarjana undang-undang antarabangsa mengenai isu-isu yang berkait dengan *siyar* dan amalan mengenainya. Ini akan merangsang perubahan polisi dalam negara dan mencetuskan satu orde baru dalam amalan hubungan dan diplomasi antarabangsa.

d. Perikatan Dengan Masyarakat Cintakan Keamanan Dalam Diplomasi Antarabangsa

Kefahaman umum adalah, setiap negara perlu menjaga dan memperbaiki ehwal dalamannya dahulu sebelum ia boleh mengharap pengiktirafan dan penghormatan dalam konteks antarabangsa. Sungguh pun demikian, masa kini tidak menyebelahi umat Islam. Oleh itu umat Islam tidak boleh menunggu melainkan berusaha untuk mencapai kedua-duanya sekali.

Dengan itu, umat Islam pada satu segi perlu mula memikirkan dan membuat keputusan sendiri tentang apakah yang terbaik demi pembangunan dan kemajuan mereka. Mereka perlu menjalinkan kesepakatan utuh di kalangan mereka sendiri, bukan sahaja dalam konteks ide tetapi yang lebih penting dari segi tindakan. Mereka perlu menegaskan kedudukan mereka sebagai bangsa merdeka yang berhak menentukan nasib mereka sendiri. Mereka juga perlu menolak apa sahaja bentuk penjajahan baru dan tekanan yang dikenakan ke atas mereka. Apabila umat Islam

secara tulus kembali menghayati ajaran Islam, dengan menerima pakai prinsip-prinsip politik, sosial dan ekonomi, motif kehidupan, kerja dan sistem kenegaraan yang di sandarkan kepada *syariah*, diharapkan sebuah ummah yang betul-betul bersatu dapat diwujudkan.

Pada sudut yang lain, mereka juga perlu pantas dalam menjalinkan kesepakatan bilateral dan multilateral antarabangsa dengan negara-negara yang cintakan keamanan dalam mempromosikan keamanan dan keadilan sebenar dalam orde undang-undang antarabangsa. Untuk tujuan ini, panduan hidup dan ajaran yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad *s.a.w* perlu diikuti. Baginda telah mewujudkan perikatan dengan kumpulan-kumpulan bukan Islam dan menandatangani perjanjian damai dan kerjasama dengan mereka. Perikatan ini dijalin dengan keazaman bahawa ia akhirnya dapat menghapuskan ketidakadilan dan pemerasan terhadap manusia dan masyarakat.

Hari ini dalam banyak bidang kerjasama antarabangsa, contohnya perdagangan, negara-negara Islam telah mengambil bahagian secara aktif dalam usaha-usaha untuk mempromosikan kepentingan nasional yang sama. Contohnya, Mesir, Tunisia dan Indonesia, adalah ahli kepada NAMA - 11 (non-agricultural market access) yang secara pedas mengkritik tuntutan negara maju supaya tarif diturunkan secara drastik oleh negara-negara membangun.¹⁰³ Sebahagian yang lain pula adalah ahli-ahli kepada kumpulan-kumpulan seperti G20, G33, Kumpulan Africa, Kumpulan Negara Kurang Membangun dan kumpulan-kumpulan Africa, Caribbean dan Pacific. Ini dari segi jangka masa panjang akan membantu mempromosikan perspektif yang betul dan dapat menghasilkan kesepakatan dari segi bagaimana undang-undang antarabangsa dan orde undang-undang antarabangsa perlu diarahkan.

e. Mempromosi Amalan Siyar Yang Diperkasakan Dalam Misi OIC

Kajian asas haruslah juga dilakukan bagi mengenal pasti prinsip penubuhan dan institusi bagi dilaksanakan *siyar* (undang-undang antarabangsa Islam) dalam bidang-bidang strategik dan mencadangkan cara bagaimana boleh dipromosikan amalannya dalam konteks dan realiti undang-undang dan hubungan antarabangsa semasa. Beberapa bidang fokus seperti keamanan dan keselamatan; perdagangan, kewangan dan kerjasama pembangunan; dan, tenaga dan jaminan kuasa tenaga perlulah dikaji. Majoriti ummat Islam tidak mempunyai jurubicara di peringkat antarabangsa kerana tidak diberi perhatian oleh kerangka undang-undang antarabangsa Barat. Sebagai contohnya, masyarakat miskin di Palestin, kanak-kanak dan wanita di Iraq dan Afghanistan dan golongan minoriti di Selatan Thailand dan Phillipina sering menjadi mangsa tanpa apa-apa pembelaan. Selepas itu, usaha untuk mengenal pasti peranan dan memperkasakan kedudukannya di dalam kerangka *siyar* yang bersesuaian dan sepadan dengan misi OIC haruslah juga dilakukan.

Kajian sedemikian akan memperjelaskan lagi jalinan di antara bidang dan juga di antara pembahagian di antara awam dan persendirian di dalam *siyar*, kerana aspek *syariah* sebegini mempromosikan satu pandangan yang holistik mengenai kehidupan manusia di peringkat antarabangsa. Ia juga akan memperkukuhkan lagi ide

¹⁰³ TWN Info Service, Developing Countries Criticise North's NAMA Approach as Anti-development, Lihat, <http://www.twinside.org.sg/title2/twninfo376.htm>

penglibatan masyarakat Madani dan pergerakan sosial dalam konteks mempromosi beberapa prinsip *siyar* yang boleh dijadikan fokus utama. Usaha menubuhkan pergerakan bukan kerajaan sebagai sebahagian daripada usaha bagi mencapai tujuan di atas akan banyak memberi manfaat kepada umat Islam dan juga kepada masyarakat dunia secara umumnya.

KESIMPULAN

Pada setiap tahap, dalam perubahan kehidupan individu mahu pun awam akan sentiasa menempuhi dan menemui cabaran baru. Berdasarkan kepada perubahan dinamik inilah, keperluan kepada kebangkitan perundangan antarabangsa Islam timbul dan ia perlu dilaksanakan secara berani dan bijak. Dalam konteks inilah diketengahkan betapa pentingnya masyarakat Islam menangani isu-isu *siyar* seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini. Perlaksanaan *siyar* hanya akan menjadi berkesan jika beberapa persoalan penting, misalnya, bagaimana secara sejarah ia diimplementasikan dahulu dan pada tahap yang bagaimana pula pada hari ini ia sesuai untuk di praktikkan oleh masyarakat Islam semasa.

Dari situ, seseorang itu dapat memahami bagaimana prinsip-prinsip *siyar* umumnya dibangun dan dilaksanakan bagi disesuaikan dengan perubahan dan keperluan masyarakat pada sesuatu masa, dan pada masa yang sama memahami bagaimana setiap tempoh sejarah ketamadunan pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain. Ini akan membantu umat Islam membina satu epistemologi *siyar* sebagai mana ia dihasratkan dalam artikel ini. Ia juga akan menjelaskan jurang kedudukan di antara realiti masyarakat Islam dengan teori atau paradigma pemikiran politik dan pembangunan ekonomi Islam. Peranan Islam yang dilihat begitu pragmatik dalam menunjang kewujudan masyarakat *plural* di nusantara, yang sebahagiannya dimodifikasi oleh adat tempatan, semata-mata, tetapi tidak boleh dianggap sebagai pinggiran (*peripheral*), boleh menjadi contoh terbaik kepada umat Islam dalam usaha mereka mempromosi *siyar* secara sejagat.¹⁰⁴

Prof. Madya Dr. Rohimi Shapiee
 Timbalan Dekan (Praxiswazah, Alumni & Hubungan Masyarakat)
 Fakulti Undang-Undang
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 rohimi_se@hotmail.com

¹⁰⁴ Vincent J. H. Houben, *Islam: Enduring Myths and Changing Realities: Southeast Asia and Islam*, 588 Annals 149, 167 (2003).